

# **LAPORAN LATIHAN ILMIAH**

**Universiti Malaya  
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi  
Maklumat**

**Mohd Rafidi Bin Awang  
WEK 98255  
Sesi 2000/2001**

Penyelia : Prof. Madya Dr. Zaitun Binti Abu Bakar  
Moderator : En. Ali Fauzi Ahmad

## **BUAH-BUAHAN MALAYSIA**

---

**SEGALA BENTUK PEMINDAHAN TANPA IZIN PENGARANG ADALAH DILARANG**

**E-mail : [mohdrafi@hotmail.com](mailto:mohdrafi@hotmail.com)  
Fakulti Sains Komputer & Teknologi Maklumat  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia**

---

## ABSTRAK

**Latihan Ilmiah** merupakan satu kursus yang wajib bagi pelajar tahun akhir memenuhi Keperluan **Sarjana Muda Sains Komputer** di Universiti Malaya. Menerusi kursus ini, pelajar perlu menyiapkan satu projek yang mana pelajar dapat mengaplikasikan apa yang telah dipelajari selama ini. Selain itu, pelajar juga mencari serta mempelajari sesuatu daripada projek yang dibangunkan. Sistem yang dibangunkan ini merupakan sistem berinformasi yang berbentuk *stand alone* mengenai buah-buahan tempatan di negara ini.

Selaras dengan perkembangan komputeran teknologi maklumat, sistem yang akan saya bangunkan ini sememangnya dinantikan oleh para pengguna sekarang yang semestinya inginkan sumber maklumat dalam bentuk yang mudah lagi menarik. Sistem ini untuk memperkenalkan kepada masyarakat di Malaysia tentang buah-buahan yang mana masih ramai tidak tahu berkenaannya. Pengguna juga disediakan dengan maklumat berkaitannya bagi menambahkan lagi pengetahuan pengguna tentang buah yang dipaparkan nanti.

Jadi adalah diharapkan agar sistem yang saya bangunkan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya buat pengguna di semua lapisan masyarakat Malaysia seterusnya memperkenalkan buah-buahan ini yang mempunyai nilai komersil ke merata dunia.

**PENGHARGAAN**

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana saya dapat juga menyiapkan Latihan Ilmiah II bagi sesi 2000/2001 dengan jayanya. Meskipun banyak dugaan serta halangan yang terpaksa saya tempuhi, namun saya dapat juga siapkan Latihan Ilmiah II ini secara teratur dan lancar dengan berkat usaha dan kerjasama yang diberi oleh semua pensyarah yang terbabit serta rakan-rakan.

Pada kesempatan ini, setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Zaitun di atas bantuan serta tunjuk ajar beliau kepada saya selama ini dalam menyiapkan laporan thesis saya ini. Tidak ketinggalan juga buat En. Ali Fauzi Ahmad selaku moderator saya yang turut memberi serba sedikit pandangan beliau serta teguran yang cukup membina supaya sistem yang bakal dibina nanti dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada ayahanda saya, En. Awang bin Majid dan ibunda saya Puan Rokiah binti Bakar yang memberi sokongan dan dorongan kepada saya selama ini. Tidak dilupai buat adik-adik saya, Mohd Ramizi, Mohd Ridhuan, Mohd Rashdan dan Mohd Razin. Begitu juga rakan-rakan saya dari Fakulti Sains Komputer dan teman serumah yang juga terdiri daripada penuntut-penuntut Universiti Malaya yang sedikit sebanyak membantu

saya seperti memberi panduan serta tunjuk ajar dalam membentuk sistem yang akan saya laksanakan nanti.

**Mohd Rafidi bin Awang**

**Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**

**Universiti Malaya,**

**Kuala Lumpur**

**BAB 1: PENGENALAN KEPADA BUAH-BUAH MALAYSIA**

1.1	Pengenalan kepada sistem	1
1.2	Definisi Sistem	2
1.3	Objektif Sistem	3
1.4	Skop Sistem	4
1.5	Sasaran Pengguna	5
1.6	Kesimpulan	6

**BAB 2 : KAJIAN LITERASI**

2.1	Pengenalan Kepada Multimedia	7
2.1.1	Komponen Multimedia	8
2.1.1.1	Grafik	8
2.1.1.2	Animasi	9

2.1.1.3	Bunyi	<b>ISI KANDUNGAN</b>	9
2.1.2	Konsep Dan Aplikasi Multimedia		10
2.1.3	Mengapa Multimedia Digunakan?		11
Abstrak	Apa itu Kajian Literatur?		<b>i</b>
Penghargaan	Kaedah Analisis		<b>ii</b>
Isi Kandungan	2.1.1 Perbincangan Dengan Penyelis Projek		<b>iv</b>
Senarai Gambarajah	Pengumpulan Maklumat Lain		<b>ix</b>
2.2.2	Ulasan Analitis		17
2.2.3.1	Hasil Perbincangan Dengan Penyelis Projek		17
2.2.3	Cerapan Dan Bandingan		18
2.2.4	Kesimpulan Deripada Kajian Literatur		19
1.1	Pengenalan kepada sistem		<b>1</b>
1.2	Definasi Sistem		<b>2</b>
1.3	Objektif Sistem		<b>3</b>
1.4	Skop Sistem		<b>4</b>
1.5	Sasaran Pengguna		<b>5</b>
1.6	Kesimpulan Bab 1		<b>6</b>
3.1	Pengenalan		23
<b>BAB 2 : KAJIAN LITERASI</b>			
3.2	Pendekatan Pembangunan Sistem		24
3.3	Model Sistem		25
2.1	Pengenalan Kepada Multimedia		<b>7</b>
3.4	Pemilihan Kitar Hayat Pembangunan Sistem		31
2.1.1	Komponen Multimedia		<b>8</b>
3.5	Perancangan Latihan Urut		33
2.1.1.1	Grafik		<b>8</b>
3.6	Kesimpulan Bab 3		34
2.1.1.2	Animasi		<b>9</b>

2.1.1.3	Bunyi	9
<b>BAB 2.1.2</b>	<b>Konsep Dan Aplikasi Multimedia</b>	<b>10</b>
2.1.3	Mengapa Multimedia Digunakan?	11
4.12.2	4.12.2 Apa itu Kajian Literasi?	12
4.2	2.2.1 Kaedah Analisis Data	13
4.3	4.3 Rakat 2.2.1.1 Perbincangan Dengan Penyelia Projek	13
4.4	4.4 Rakat 2.2.1.2 Pengumpulan Maklumat Lain	14
4.5	2.2.2 Ulasan Analisis ka Pengguna	17
4.5.1	4.5.1 2.2.2.1 Hasil Pertemuan laman web di Internet	17
4.6	2.2.3 Cerapan Dan Bandingan	18
4.7	2.2.4 Kesimpulan Daripada Kajian Literasi	19
4.7.1	4.7.1 2.2.4.1 Manual	19
4.7.2	4.7.2 2.2.4.2 Multimedia Sistem	20
4.7.2.3	4.7.2.3 Kesimpulan Bab 2	22

### **BAB 3 : METODOLOGI PEMBANGUNAN SISTEM**

#### **BAB 3 : PEMBANGUNAN SISTEM**

3.1	Pengenalan	23
3.2	Pendekatan Pembangunan Sistem	24
3.3	Model Sistem	25
3.4	Pemilihan Kitar Hayat Pembangunan Sistem	31
3.5	Perancangan Latihan Ilmiah	33
3.6	Kesimpulan Bab 3	34

5.3.1 Pengkodan	30
<b>BAB 4 : REKABENTUK CADANGAN SISTEM</b>	<b>31</b>
5.4 Pemasangan Sistem	33
4.1 Pengenalan Sistem	35
4.2 Rekabentuk Pangkalan Data	36
4.3 Rekabentuk Halaman Sistem	38
4.4 Rekabentuk Tambahan	40
4.5 Rekabentuk Antaramuka Pengguna	42
4.5.1 Tetingkap	43
<b>BAB 6 : REKABENTUK DAN CADANGAN</b>	<b>43</b>
4.5.2 Grafik	43
4.5.3 Ikon	43
4.5.4 Carian	43
4.6 Penerangan Carta Alir Sistem	44
4.7 Kesimpulan Bab 4	47
<b>BAB 7 : KESIMPULAN</b>	<b>73</b>
<b>BAB 5 : PEMBANGUNAN SISTEM</b>	<b>75</b>
<b>RUJUKAN</b>	<b>77</b>
5.1 Pengenalan	48
5.2 Keperluan Sistem	48
i) 5.2.1 Perisian	50
ii) 5.2.2 Perkakasan	58
5.3 Pengkodan Dan Pengujian Sistem	60

v)	5.3.1 Pengkodan	60
v)	5.3.2 Pengujian	61
	5.4 Pemasangan Sistem	63
	5.5 Penilaian Sistem	64
vii)	5.5.1 Kebaikan Sistem	64
ix)	5.5.2 Kelemahan Sistem	65
	5.7 Kesimpulan	66

## **BAB 6 : MASALAH DAN CADANGAN**

6.1	Masalah Yang Dihadapi	67
6.2	Cadangan	70
6.4	Kesimpulan Bab 6	72

## **BAB 7 : KESIMPULAN**

	<b>GLOSARI</b>	<b>76</b>
--	----------------	-----------

	<b>RUJUKAN</b>	<b>77</b>
--	----------------	-----------

## **LAMPIRAN**

i)	Lampiran 1	79
ii)	Lampiran 2	80
iii)	Lampiran 3	81



SENARAI GAMBARAJAH

<b>iv)</b>	Lampiran 4	<b>82</b>
<b>v)</b>	Lampiran 5	<b>83</b>
<b>vi)</b>	Lampiran 6	<b>84</b>
<b>vii)</b>	Lampiran 7	<b>85</b>
<b>viii)</b>	Lampiran 8	<b>85</b>
<b>ix)</b>	Lampiran 9	<b>86</b>
<b>x)</b>	Lampiran 10	<b>87</b>

**SENARAI GAMBARAJAH**

Carta Gantt	<b>33</b>
Rekabentuk Halaman Utama	<b>38</b>
Kitar Hayat Pembangunan Sistem	<b>84</b>
Carta Alir Sistem	<b>85</b>

**BAR 1**

University of Malaya

**BAB 1: PENGENALAN BUAH-BUAHAN MALAYSIA****1.1 Pengenalan**

Negara kita Malaysia ini kaya dengan pelbagai buah-buahan yang mempunyai khasiat yang tinggi satanding dengan buah-buahan import dari luar negara. Buah-buahan tempatan juga turut berpotensi untuk tujuan komersial kerana selain daripada rasanya yang sedap, terdapat ia nilai perubatan yang pada buah-buahan tempatan tertentu. Dianggarkan bahawa terdapat 8500 spesies tumbuhan berbunga terdapat di Malaysia dan daripada jumlah itu tidak kurang 370 merupakan spesies buah-buahan.

# BAB 1

Jadi seiring dengan kemajuan dalam bidang pengkomputeran, bertambah mudahlah manusia untuk mencari pengetahuan dalam bidang tertentu. Ini termasuklah sistem yang akan dibangunkan nanti yang berdasarkan kios multimedia sudah tentu memudahkan para pengguna mencari maklumat berkenaan buah-buahan tempatan yang sebahagian besar mungkin tidak diketahui ramai.

Dalam sistem yang berdasarkan pemain stand alone ini, dimuatkan maklumat-maklumat tentang buah-buahan tempatan yang tumbuh di negara ini. Sistem kios ini akan membantu pengguna mencari buah-buahan yang diinginkan disertai dengan ciri-ciri multimedia serta ramah pengguna. Selain memenuhi keperluan semasa pengguna, ciri-ciri ini juga bertujuan menarik minat pengguna yang bakal menggunakannya nanti.

## 1.2 **BAB 1: PENGENALAN BUAH-BUAHAN MALAYSIA**

### 1.1 **Pengenalan**

Negara kita Malaysia ini kaya dengan pelbagai buah-buahan yang mempunyai khasiat yang tinggi setanding dengan buah-buahan import dari luar negara. Buah-buahan tempatan juga turut berpotensi untuk tujuan komersil kerana selain daripada rasanya yang sedap, terdapat nilai-nilai perubatan yang pada buah-buahan tempatan tertentu. Dianggarkan sebanyak 8500 spesies tumbuhan berbunga terdapat di Malaysia dan daripada jumlah itu tidak kurang 370 merupakan spesies buah-buahan.

Jadi seiring dengan perkembangan dalam bidang perkomputeran, bertambah mudahlah manusia untuk mencari pengetahuan dalam bidang tertentu. Ini termasuklah sistem yang akan dibangunkan nanti yang berasaskan kiosk bermultimedia sudah tentu memudahkan para pengguna mencari maklumat berkenaan buah-buahan tempatan yang sebahagian besar mungkin tidak diketahui ramai.

Dalam sistem yang berasaskan pemain *stand alone* ini, dimuatkan maklumat-maklumat tentang buah-buahan tempatan yang tumbuh di negara ini. **Sistem kiosk** ini akan membantu pengguna mencari buah-buahan yang diinginkan disertai dengan ciri-ciri multimedia serta ramah pengguna. Selain memenuhi keperluan semasa pengguna, ciri-ciri ini juga bertujuan menarik minat pengguna yang bakal menggunakannya nanti.

## 1.2 Definasi Projek

Projek ini adalah dibawah kawalseliaan Prof. Madya Dr. Zaitun Abu Bakar selaku penyelia dan En. Ali Fauzi Ahmad selaku moderator. Tajuk bagi sistem yang akan saya bina nanti adalah **Buah-buahan Malaysia**.

Ini merupakan satu **sistem kiosk** yang berfungsi secara *stand alone* yang akan memuatkan maklumat mengenai buah-buahan tempatan yang wujud di negara Malaysia ini.

Sistem ini akan dilengkapi dengan gambar buah berkenaan yang diimbas sebagai penambahan kepada penjelasan mengenai buah tersebut. Ini ditambah lagi dengan audio yang menarik sebagai selingan bagi menarik minat para pengguna di samping melayari sistem yang berbentuk ilmu pengetahuan untuk mencari maklumat tertentu tentang buah-buahan Malaysia yang dimuatkan di dalam sistem ini.

### 1.3 Objektif Sistem

Di antara objektif-objektif sistem yang saya bangunkan ialah seperti berikut:

- Membantu pengguna yang berminat untuk mendapatkan maklumat tentang buah-buahan dengan memberikan contoh grafik, penerangan teks dan analisis untuk setiap buah-buahan yang dikehendaki.
- Mempersembahkan maklumat tentang buah-buahan yang dicari kepada suatu bentuk yang lebih menarik khususnya untuk para pengguna dan bersifat interaktif.
- Mengumpulkan pelbagai jenis maklumat buah-buahan tempatan yang digabungkan dalam satu sumber yang sama.
- Memperkenalkan buah-buahan tempatan kepada semua peringkat masyarakat di Malaysia. Ini juga merupakan suatu promosi dan juga usaha untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan yang berkhasiat tinggi dalam bidang pertanian yang berbentuk komersil pada masa yang akan datang.

## 1.4 Skop Projek

Sistem yang akan dibina nanti akan memuatkan maklumat merangkumi buah-buahan tempatan di negara kita sahaja. Ini termasuklah buah-buahan yang biasa ditemui dan juga jarang-jarang kita temui yang hanya didapati di hutan-hutan atau tempat yang jarang-jarang dijejaki manusia. Akan memuatkan serba sedikit pengetahuan tentang buah-buahan tempatan yang terdapat di negara kita. Ini bertujuan mengetengahkan buah-buahan tempatan yang wujud di negara Malaysia iaitu:-

- Nama tempatan buah yang terpilih
- Nama latin atau nama saintifik bagi buah berkenaan
- Penerangan tentang asal buah, struktur buah kawasan habitat serta musimnya berbuah
- Gambar buah-buahan yang diimbas menerusi *scanner*
- Audio yang bersesuaian

## 1.5 Sasaran Pengguna

Sistem yang akan dibina nanti adalah ditujukan buat semua lapisan masyarakat di Malaysia dari pelbagai bangsa serta budaya tanpa mengira peringkat umur. Ini memandangkan keseluruhan bahasa yang digunakan dalam sistem ini adalah bahasa Melayu. Sistem ini akan memuatkan serba sedikit pengetahuan tentang buah-buahan tempatan yang terdapat di negara kita. Kemahiran pengguna dalam menggunakan komputer diperlukan bagi memudahkan mereka dalam memanfaatkan sistem ini.

Ini bertujuan untuk menambahkan pengetahuan masyarakat khususnya untuk mereka yang tinggal di bandar yang kurang pengetahuan mengenai buah-buahan tempatan. Jadi menerusi gambarajah buah yang disediakan nanti, para pengguna dapatlah mengenali secara lebih lanjut tentang buah yang pernah atau mungkin tidak pernah dilihatnya lagi.

Selain daripada mendapat mengetahui tentang buah-buahan yang dipaparkan, secara tidak langsung pengguna juga dapat mempelajari tentang sistem maklumat ini. Ini akan menjadikan mereka lebih celik serta peka akan teknologi maklumat yang kian berkembang pada masa sekarang.



## 1.6 Kesimpulan Bab 1 BAB 2: KAJIAN LITERATUR

**Sistem Buah-buahan Malaysia** adalah kiosk pengetahuan yang mengandungi maklumat berkaitan dengan buah-buahan Malaysia. Ia adalah dibina dalam dan diguna bersama-sama dengan cakera padat. Maklumat-maklumat berkaitan akan dibenamkan ke dalam cakera padat yang mana kita tahu cakera padat ini boleh menyimpan banyak maklumat kerana ruang storannya yang cukup besar dan ini memberi peluang kepada pembangun untuk memasukkan pelbagai maklumat yang berkaitan. Begitu juga dengan elemen-elemen multimedia yang dimasukkan sememangnya memerlukan ruang storan yang cukup besar bagi memuatkannya. Penggunaan cakera padat adalah kerana ia merupakan aplikasi teknologi maklumat yang mampu menarik minat pengguna agar cenderung kepada perkembangan teknologi maklumat pada zaman ini. Malah ia juga mempunyai ciri-ciri lain misalnya tahan lasak dan mudah dibawa ke mana-mana untuk menyebarkan maklumat yang dimasukkan ke dalamnya dari satu pihak kepada pihak yang lain. Apa yang perlu hanyalah komputer serta pemacu cakera padat bagi tujuan instalasi untuk memastikan sistem ini dapat dilarikan pada komputer berkenaan.

## BAB 2: KAJIAN LITERASI

### 2.1 Pengenalan Kepada Multimedia

**Multimedia** seringkali digunakan dalam perisian atau aplikasi yang berbentuk informasi pada masa kini. Pakej yang bakal dibangunkan ini juga akan menggunakan teknologi multimedia yang mana akan memuatkan grafik, animasi serta bunyi ke dalamnya.

**Multimedia** terdiri daripada 2 perkataan iaitu multi dan media. Dalam bahasa Latin, multi bermaksud banyak, manakala media membawa maksud cara persembahan data. Jadi jika digabungkan, multimedia membawa maksud gabungan pelbagai media dalam tujuan penyampaian maklumat interaktif kepada pengguna. Elemen-elemen seperti teks, imej, audio, video dan animasi yang digabungkan serta dimanipulasikan ke atas elemen itu.

Ini merupakan suatu kaedah yang digunakan oleh perekabentuk untuk menyampaikan sesuatu maklumat dalam cara yang memudahkan kefahaman pengguna. Ini mengikut teori bahawa manusia lebih mudah memahami sesuatu dengan lebih cepat secara melihat sesuatu yang menarik minatnya berbanding pembacaan terus yang langsung tidak menarik perhatian mereka.

Oleh itu, adalah bersesuaian dengan menggabungkan elemen-elemen ini dengan memasukkannya ke dalam sistem yang saya akan bangunkan

nanti demi mencapai matlamat serta objektif sebagaimana yang telah saya garapkan .

## 2.1.1 Komponen Multimedia

Multimedia adalah gabungan paparan grafik, animasi serta bunyi bagi persembahan maklumat menjadikan ia menarik serta mudah difahami. Oleh sebab itu, perkakasan diperlukan demi untuk tujuan berkenaan termasuklah komputer peribadi bermultimedia, cakera padat dan juga kad suara yang mana untuk mencapai tujuan multimedia itu.

Berikut disenaraikan komponen-komponen yang akan melengkapkan multimedia:

### 2.1.1.1 Grafik

Apa sahaja cabang seni yang digunakan pada komputer, merangkumi foto, gambar yang diimbas, *clipart*, ikon dan lain-lain). 2 format fail bagi grafik iaitu *bitmapped* dan format berorientasikan objek. Format *bitmapped* menyokong kebanyakan fail berjenis *.bmp*, *.gif*, *.img*, *.jpg*, *.pcx*, *.msp*, *.tga*, *.tiff*, *.wpg*, *.wmf*. format berorientasikan objek pula menyokong fail-fai dari jenis *.cdr*, *.cgm*, *.drw*, *.eps*, dan *.gem*.

### 2.1.1.2 Animasi

Animasi merupakan paparan gerakan pantas imej yang mana imej grafik dari segi kedudukannya berjujukan dan membentuk satu pergerakan yang dapat dilihat oleh mata kasar manusia. Terdapat 3 kategori asas animasi iaitu :

- animasi kerangka(skrin penuh)
- animasi bitbit(sebahagian skrin)
- animasi masa nyata

### 2.1.1.3 Bunyi

Dengan wujudnya perkembangan dari segi teknologi digital, kini telah menghasilkan pelbagai kesan bunyi . Kita boleh jadikan sesuatu persembahan itu bertenaga dan menghiburkan sesiapa yang mengalaminya kerana memandangkan kita mempunyai deria pendengaran. Merujuk kepada konsep komputer, terdapat 2 cara menghasilkan bunyi iaitu menggunakan *sound card* dan pembesar suara bina dalam pada komputer.

Format yang menyokong audio termasuklah fail .wav, .voc, .snd, .avd, .mid, .mp3, .wav dan lain-lain. Format-format yang sebegini boleh dimainkan oleh aplikasi-aplikasi komputer yang rencam seperti contoh "**CD Player**", "**Winamp**", "**Windows Media Player**", "**Xing Player**" dan lain-lain yang menyokong format sebegini.

Wujud juga sesetengah aplikasi yang boleh mengubahsuai dengan menambahkan efek atau kesan khas ke atas bunyi yang kita ingini bagi tujuan menyedapkan lagi bunyi yang seperti kita ingini dan sesuai dimainkan sewaktu sistem dilarikan.

## 2.1.2 Konsep dan Aplikasi Multimedia

Multimedia merupakan satu konsep yang digunakan secara meluas pada masa sekarang untuk menerangkan sesuatu aplikasi berdasarkan komputer peribadi yang menggunakan elemen-elemen multimedia.

Aplikasi multimedia jika kita lihat sekarang banyak digunakan dalam bidang-bidang tertentu dan ianya sesuai digunakan oleh banyak industri. Ini memandangkan bidang ini mempunyai pengaruh dalam mempertingkatkan daya saing di kalangan syarikat-syarikat yang bersaing untuk menarik minat pelanggan masing-masing untuk melabur ke dalam syarikat berkenaan.

Berikut adalah aplikasi yang utama di mana multimedia digunakan secara meluas sekarang bagi mempertingkatkan daya saing organisasi terbabit:

- Pendidikan dan Latihan
- Sokongan Jualan
- Kompleks Perniagaan

### 2.1.3 Mengapa Multimedia Digunakan?

Dari segi logiknya, komputer memudahkan penyampaian ilmu kepada para penggunanya menerusi media yang bagus. Dengan adanya elemen multimedia, dijangka bahawa komunikasi akan lebih berkesan.

Ini memandangkan kebanyakan pengguna sekarang memiliki komputer peribadi sendiri, jadi mereka merasakan cara penerimaan ilmu menerusi komputer lebih berkesan ditambah lagi dengan adanya konsep multimedia yang sememangnya menarik minat para pengguna tanpa mengira peringkat umur.

- Berkesan – informasi terus boleh dibaca diganti dengan yang boleh dilihat dan didengar seperti videoklip
- Terus-menerus – maklumat secara terus menerus menggunakan medium terbaik
- Personal – mereka aplikasi dengan gabungan elemen kita sendiri
- Interaktif – boleh membenarkan pengguna mengawal aliran maklumat

## 2.2 Apa Itu Kajian Literasi ?

Skop yang disampaikan mestilah jelas agar tidak wujud sebarang masalah dari segi kefahaman. Skop hendaklah selari dengan kehendak pereka dan pengguna sistem. Ini penting memandangkan hubungan dua hala sedemikian penting untuk menjaga integrasi di kedua-dua belah pihak.

Semasa fasa ini perakabentuk akan melihat dan menentukan bahan-bahan yang diperlukan oleh sistem nanti. Ini termasuklah:

- Kepentingan bahan yang disampaikan
- Cara penyampaian bahan
- Jangkamasa projek disiapkan
- Pemilihan kaedah penyampaian
- Perisian dan perkakasan diperlukan

Secara umumnya fasa ini meliputi hal-hal mengenalpasti masalah serta keperluan pengguna, menganalisis dan menentukan bahan penyampaian.

Pada masa ini teknik penyampaian dipilih dan spesifikasi sistem dikenalpasti. Selain itu, tempoh pelaksanaan projek juga dianggarkan untuk memastikan kelancaran perjalanannya nanti.

## 2.2.1 Kaedah Analisis

### 2.2.1.1 Perbincangan Dengan Penyelia Projek

Saya telah menemui penyelia projek iaitu Prof. Madya Dr. Siti Zaitun Abu Bakar untuk membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan projek yang boleh dikatakan sebagai suatu kaedah analisis ke atas maklumat yang dicari. Ini adalah untuk memastikan agar projek yang dijalankan ini menepati kehendak matlamat sistem sebagaimana yang telah dipersetujui pada awal

#### Latihan Ilmiah Tahap 1.

Berikut disenaraikan beberapa perkara yang telah dibincangkan bersama berkaitan dengan projek:

- Skop projek iaitu apa yang akan dimuatkan ke dalam sistem yang bakal dibina nanti
- Sasaran pengguna, berkaitan dengan kepada siapa sebenarnya sistem ini akan ditujukan nanti
- Kriteria-kriteria yang diperlukan oleh sistem
- Kaedah yang bersesuaian yang perlu digunakan
- Perisian yang akan dipakai nanti untuk menyiapkan sistem ini
- Sumber-sumber maklumat yang diperlukan untuk menjadikan sistem ini mencapai objektifnya



### 2.2.1.2 Pengumpulan Maklumat Lain

Untuk mendapatkan bahan-bahan yang secukupnya untuk dimuatkan ke dalam sistem yang bakal dibina nanti, pelbagai kaedah digunakan dalam mengumpul maklumat. Berikut disenaraikan sumber-sumber dari mana maklumat didapati.

- i. Internet
- ii. Tinjauan Perisian
- iii. Melalui Pembacaan
- iv. Melalui Perbincangan

#### i. Internet

Saya telah melayari internet untuk mencari maklumat berkaitan buah-buahan tempatan. Dan apa yang saya dapati ialah terdapat hanya satu hompej yang memberikan informasi berkaitan dengan buah-buahan Malaysia iaitu:

<http://www.geocities.com/TheTropics/7368/fruit.htm>

#### (Lampiran 1)

Di sini, saya dapati bahawa maklumat yang disampaikan adalah hanya untuk beberapa contoh buah-buahan sahaja. Jadi sumber ini adalah terhad sekali.

Hompej ini hanya memaparkan maklumat dengan gambar yang diimbis sahaja, jadi tiada daya tarikan untuk pengguna melayarinya. Selain itu, ia hanya bertujuan untuk mempromosikan beberapa buah syarikat yang

berkaitan dalam bidang perladangan buah-buahan di Malaysia memandangkan terdapat pautan ke URL syarikat berkenaan. Susunatur hompej ini juga kurang menarik menyebabkan pengguna tidak tertarik untuk melayari ke bahagian seterusnya dalam hompej ini.

Selain daripada itu, saya juga telah melawat hompej berikut sebagai tambahan maklumat:

<http://www.bonkeur.com/>

yang mana di sini terdapat pelbagai maklumat tentang buah-buahan yang terdapat di negara Eropah bukannya buah-buahan tempatan. Ia menyenaraikan nama buah-buahan mengikut senarai abjad masing-masing beserta ikon kecil gambar buah berkenaan untuk menarik minat para pelayar internet untuk melayarinya. Meskipun tiada penggunaan butang pencarian menerusi "keyword", saya rasa hompej ini berguna untuk saya jadikan panduan untuk menyiapkan sistem yang bakal dibina nanti.

Selain daripada ia atas, ini adalah halaman-halaman web yang menjadi panduan tambahan yang membantu saya selama ini:

1. <http://www.catcha.com.my/cgi-bin/redirect.cgi?url=http://www.crfg.org/pubs/frtfacts.html>  
(**Lampiran 1**)
2. <http://www.catcha.com.my/cgi-bin/redirect.cgi?url=http://www.bonkeur.com/>  
(**Lampiran 2**)
3. <http://www.thefruitpages.com/carambolas.shtml>  
(**Lampiran 3**)
4. <http://www.catcha.com.my/cgi-bin/redirect.cgi?url=http://agrolink.moa.my/comoditi/fruits.html>  
(**Lampiran 4**)

## ii. Tinjauan Perisian

Saya dapati bahawa tiada sebarang maklumat yang berkaitan dengan buah-buahan tempatan yang dipasarkan dalam bentuk cd setakat ini. Jadi, oleh sebab itu saya rasa terpanggil untuk membuat suatu perkembangan dari segi percabangan teknologi maklumat untuk mendapatkan pengetahuan menerusi hasil teknologi yang dibangunkan.

## iii. Melalui Pembacaan

Menerusi kaedah ini, saya mendapat banyak maklumat yang berguna untuk sistem saya nanti. Terdapat beberapa buah buku yang mengandungi maklumat tentang buah-buahan Malaysia yang boleh saya katakan cukup lengkap sebagai rujukan memandangkan pengarangnya merupakan pakar dalam bidang berkenaan.

Setakat ini, buku yang bertajuk "**Buah-buahan Malaysia**" hasil tulisan Puan Rukayah Aman dari **MARDI (Lampiran 5)** banyak membantu saya dalam mendapatkan maklumat berkaitan buah-buahan tempatan yang saya cari selama ini. Tambahan pula ia dilengkapi dengan susunan gambar yang cantik dan disertakan juga petua-petua dan maklumat tambahan yang berkaitan.

Selain itu saya juga membaca akhbar-akhbar harian yang menceritakan hasil penemuan teknologi dalam bidang perladangan buah-

buah tempatan yang dianggap berguna untuk memperkembangkan lagi sistem ini nanti untuk menjadikan ianya betul-betul mencapai objektif sistem yang dirancangan.

#### iv. Melalui Perbincangan

Menerusi cara ini, saya biasanya mendapatkan maklumat berkaitan menerusi perbualan secara tak formal dengan rakan-rakan yang mengambil kursus Latihan Ilmiah dari fakulti yang sama. Secara tidak langsung, saya mendapat juga beberapa input yang saya rasakan berguna untuk dimasukkan ke dalam sistem selain daripada membetulkan kesilapan yang dilakukan dan disedari sewaktu menyiapkan sistem ini nanti.

### 2.2.2 Ulasan Analisis

#### 2.2.2.1 Hasil Pertemuan Laman Web di Internet

Terdapat beberapa laman web di internet yang mana boleh dijadikan sebagai sumber rujukan untuk saya dalam membina sistem saya nanti. Berikut disenaraikan beberapa laman web beserta dengan antaramukanya yang disediakan di lampiran untuk rujukan saya nanti.

<http://www.geocities.com/TheTropics/7368/fruit.htm> (*Lampiran 1*)

Laman web ini saya rasa adalah yang terbaik bagi rujukan saya setakat ini yang menceritakan tentang buah-buahan tempatan beserta dengan gambarnya sekali. Meskipun sumbernya sedikit, tetapi ia memberi

gambaran kepada saya bagaimana merekabentuk antaramuka sistem saya nanti.

#### 2.2.4.1 Manual

### 2.2.3 Cerapan Dan Bandingan

Boleh dikatakan maklumat berkaitan dengan sistem yang akan saya bina

Menurut pandangan saya sebagai pengguna sistem sendiri, saya merasakan perkara-perkara berikut perlu dipertimbangkan dalam menyiapkan sistem ini:

pengarangnya adalah yang pakar dalam bidang tersebut.

- Grafik yang menarik dimasukkan agar wujud daya tarikan dalam diri pengguna untuk terus menjelajah sistem yang bakal dibina nanti.
- Memasukkan kesan bunyi agar pengguna merasa terhibur dan hilang rasa bosan.
- Carian ("search button") berdasarkan kata kunci yang mana memerlukan kata kunci yang dimasukkan tepat untuk hasil pencarian yang tepat.
- Susunan butang pencarian yang baik lagi tersusun agar pengguna tidak berasa keliru untuk meneruskan pencarian mereka.

Kodah ini sekarang semakin ditinggalkan memandangkan manusia sekarang lebih kepada penggunaan komputer yang dikatakan lebih cepat dan berkesan dari segi pencarian dan penyebarkan maklumat.

## 2.2.4 Kesimpulan Daripada Kajian Literasi

### 2.2.4.1 Manual

Boleh dikatakan maklumat berkaitan dengan sistem yang akan saya bina nanti banyak tersimpan dalam bentuk buku, majalah dan juga gambar foto. Boleh dikatakan bahawa sumbernya adalah lengkap memandangkan pengarangnya adalah yang pakar dalam bidang tersebut.

Apa yang saya dapati bahawa sumber internet pula kurang sekali. Yang kebanyakannya menjurus kepada perniagaan yang mana disediakan pautan kepada laman-laman syarikat untuk pesanan dan lain-lain urusan berkaitan. Jadi tiada bertujuan untuk memberi maklumat kepada pengguna.

Jadi ini menyusahkan para pengguna yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan buah-buahan tempatan yang terpaksa berjalan jauh ke perpustakaan atau toko buku dan terpaksa pula mencari satu persatu buku yang bersesuaian dengan pilihan yang dicari.

Kaedah ini sekarang semakin ditinggalkan memandangkan manusia sekarang lebih kepada penggunaan komputer yang dikatakan lebih cepat dan berkesan dari segi pencarian dan penyebaran maklumat.

#### 2.2.4.2 Multimedia

Menurut tinjauan yang telah saya lakukan ke beberapa buah kedai buku, tiada satupun perisian dalam bentuk cd yang saya jumpai berkaitan dengan buah-buahan tempatan yang dijual. Jadi ini menyusahkan para pengguna yang inginkan kemudahan dalam pencarian maklumat menggunakan hasil perkembangan teknologi masa kini. Lagipun paparan maklumat dalam bentuk cakera padat yang bermultimedia sudah tentu menjadi pilihan pengguna yang menarik perhatian mereka.

Jadi menerusi pencarian maklumat yang telah saya adakan, saya telah berjaya mendapatkannya untuk dimasukkan ke dalam sistem yang bakal saya bina nanti. Saya juga dapat nyatakan di sini bahawa melalui pembacaan, saya banyak mendapat maklumat berkaitan apa yang ingin saya cari selama ini berbanding kaedah lain seperti menerusi internet.

Saya juga mendapati bahawa dengan tiadanya perisian berkaitan dengan buah-buahan tempatan di pasaran sekarang, akan memberi peluang kepada saya untuk menjadi perisian pertama tentang buah-buahan yang akan dikeluarkan nanti.

Jadi di sini dapat disimpulkan bahawa pemilihan multimedia tepat dan terbaik untuk sistem ini terutama dalam keadaan sekarang. Lagipun ia dijangka akan memenuhi citarasa pengguna masa kini yang lebih menjurus kepada perkembangan teknologi maklumat.

2.3 Gabungan animasi dan bunyi juga baik berbanding teks sahaja untuk menghilangkan bosan malah ia juga dapat menghiburkan pengguna. Selain itu kaedah ini akan mengurangkan kos penggunaan kertas, mengurangkan risiko kehilangan akibat kecuaiian. Diharap agar sistem yang saya bina ini akan menjadi pemangkin dalam langkah memperkenalkan buah-buahan tempatan ke mata dunia.

Kedua, sistem yang dibangunkan hendaklah mengandungi unsur-unsur kebolehpercayaan, kebolehpercayaan dan stabil. Ini kerana jika unsur-unsur ini tidak ada ia akan menjadikannya sebahagian daripada sistem yang tidak boleh dipercayai. Oleh itu penggunaan warna, susunan layout dan penggunaan objek memuatkan peranti penting.

Dan akhirnya sebelum sebarang sistem itu dibangunkan, para pembangun sistem perlulah membuat kajian terlebih dahulu mengenai sistem yang hendak dibangunkan itu, untuk mengenalpasti prospek sistem tersebut.

Dengan itu, saya berharap agar sistem ini akan menjadi salah satu sistem yang boleh dipercayai dan menjadi salah satu sumber bagi mendapatkan dan menambahkan pengetahuan tentang hasil tempatan yang wujud di negara ini.



### 2.3 Kesimpulan Bab 2

Sebagai kesimpulannya, beberapa perkara telah diperolehi. Pertamanya, sebagai pembina sistem yang akan dibangunkan, saya mesti mengambil kira pandangan dan keperluan pengguna. Dalam konteks ini saya telah cuba melihat keperluan sistem daripada sudut saya sebagai seorang pengguna.

Keduanya, sistem yang dibangunkan hendaklah mengandungi unsur-unsur kebolehgunaan, kebolehpercayaan dan stabil. Ini kerana jika unsur-unsur ini tidak ada ia akan menjadikannya sebahagian daripada sistem yang tidak berguna. Oleh itu penggunaan warna, susunan tajuk dan penggunaan objek memainkan peranan penting.

Dan akhirnya sebelum sesebuah sistem itu dibangunkan, para pembangun sistem perlulah membuat kajian terlebih dahulu mengenai sistem yang hendak dibangunkan itu, untuk mendapatkan prospek sistem tersebut.

Dengan itu, saya berharap agar sistem ini akan menjadi salah satu sistem yang boleh dipercayai dan menjadi salah satu sumber bagi mendapatkan dan menambahkan pengetahuan tentang herba tempatan yang wujud di negara kita.

BAB 3: METODA OGI PENGANGUNAN SISTEN

# BAB 3

University of Malaya

## BAB 3: METODOLOGI PEMBANGUNAN SISTEM

### 3.1 Pengenalan

Perkataan *methodology* terdiri daripada 2 suku kata iaitu *methodos* dan *logos*. *Methodos* berasal daripada perkataan Yunani yang bermakna jalan atau cara. Manakal *logos* bererti ilmu tentang cara mengadakan penelitian. *Methodos* merupakan satu aspek yang amat penting bagi meneliti objek yang menjadi bahan kajian. Panduan metod yang tepat akan menghasilkan penyelidikan yang tepat.

Setelah satu kajian literasi projek dibuat untuk pembangunan sistem, bahagian ini dilakukan adalah untuk penerangan mengenai metodologi pembangunan kepada sistem tersebut. Tujuan analisis ini adalah untuk mendalami lagi pengetahuan dan pemahaman saya terhadap sistem pemain sendirian yang akan dibangunkan iaitu **Buah-buahan Malaysia**. Analisis yang telah dijalankan adalah meliputi pelbagai aspek seperti strategi dan paradigma yang digunakan dalam pembangunan sistem.

Analisis mengenai peralatan pembangunan yang digunakan juga diadakan. Analisis ini merangkumi semua faktor-faktor kebolehpercayaan, kebolehsandaran dan kebolehgunaan sistem yang dibangunkan dari segi perkakasan, perisian dan alatan pengarang yang sesuai untuk digunakan.

### 3.2 Pendekatan Pembangunan Sistem

Di dalam merealisasikan **Buah-Buahan Malaysia** ini, saya telah menggunakan pendekatan model **Kitar Hayat Pembangunan Sistem (Lampiran 6)** ataupun **System Development Life Cycle (SDLC)**. **SDLC** adalah satu pendekatan berfasa untuk menganalisa dan merekabentuk sistem. Ia juga menyatakan bahawa sistem adalah paling baik dibangunkan menerusi penggunaan satu analisis kitaran yang spesifik bersama-sama dengan aktiviti pengguna.

**Kitar Hayat Pembangunan Sistem** ini terdiri daripada 7 fasa utama yang digunakan di dalam pembangunan sistem ini iaitu:

1. Mengenalpasti masalah, peluang dan objektif
2. Menentukan keperluan maklumat
3. Menganalisa keperluan sistem
4. Merekabentuk sistem yang dikehendaki
5. Membangunkan dan mendokumentasikan perisian
6. Menguji dan menyelenggarakan sistem
7. Perlaksanaan dan penilaian sistem

### 3.3 Model Sistem

Sistem yang akan saya bangunkan ini adalah menerusi penggunaan pendekatan **Kitar Hayat Pembangunan Sistem (SDLC)**. Dengan merujuk kepada lampiran seperti yang disebut tadi, penerangan lanjut tentang setiap fasa diterangkan seperti berikut:

#### **FASA 1: Mengenalpasti Masalah, Peluang dan Objektif**

Fasa pertama ini adalah penting dan kritikal untuk memastikan kejayaan dan kelancaran projek yang ingin dibangunkan. Dalam fasa pertama **SDLC** ini, penentuan masalah sebenar, skop sistem yang akan diwujudkan dan objektif sistem dalam penglibatan terus pihak pengguna ditetapkan. Apa yang diinginkan oleh pengguna dan masalah-masalah yang timbul juga dikenalpasti. Antara aktiviti-aktiviti yang terlibat semasa fasa pertama ini adalah menemuduga pengguna, meringkaskan pengetahuan dan maklumat yang diperolehi, menganggarkan skop projek yang ingin dibangunkan dan mendokumentasikan hasil dan keputusan yang diperolehi. Di akhir ujian, satu laporan yang nyata yang mengandungi takrifan dan pengenalpastian mengenai masalah dan ringkasan objektif yang ingin dicapai akan dibuat.

## FASA 2: Menentukan Keperluan Maklumat

Dalam merekabentuk keperluan maklumat, ia adalah berdasarkan kepada pengguna yang tertentu dan juga bergantung kepada jenis sistem yang digunakan. Antara kaedah yang digunakan untuk menakrifkan keperluan maklumat adalah melalui persampelan dan pencarian data, melalui temuduga, melalui soal selidik, memerhatikan keputusan yang diambil oleh pembuat keputusan dan boleh juga melalui prototaip sistem.

Sestengah metod untuk menentukan keperluan maklumat merangkumi interaksi secara langsung dengan pengguna sistem. Dalam fasa ini, pengetahuan secara terperinci tentang fungsi-fungsi yang sedia ada mesti diketahui seperti pengguna, aktiviti-aktiviti sistem, persekitaran di mana aktiviti dilaksanakan, bila ia dilaksanakan, bagaimana prosedur yang sedia ada dilaksanakan dan juga kenapa sistem yang telah sedia ada digunakan. Oleh itu interaksi dengan pensyarah yang terlibat adalah penting untuk mendapatkan maklum balas tentang sistem yang bakal dibina. Dengan ini sistem yang bakal dilaksanakan boleh dipertingkatkan mutu dan fungsinya berbanding dengan sistem yang sedia ada.

### FASA 3: Menganalisa Keperluan Sistem

Dalam fasa ini teknik dan peralatan yang sesuai digunakan untuk membangunkan sistem dikenalpasti. Alatan yang sering digunakan adalah **Diagram Aliran Data** (Data Flow Diagram) untuk menggambarkan masukan, proses dan keluaran kepada fungsi-fungsi sistem yang bakal dibangunkan. Ia digambarkan dalam bentuk grafik gerstruktur. Daripada diagram aliran data, kamus data dibangunkan yang mengandungi senarai semua item data yang dibangunkan dalam sistem termasuklah spesifikasi data tersebut samada ianya dalam bentuk teks ataupun *alphanumeric* dan berapa banyak ruang yang diperlukan oleh sistem.

Pada peringkat ini ringkasan mengenai sistem yang dicadangkan harus disediakan dengan memberikan apa yang telah diperoleh bagi menggambarkan keperluan sistem dan analisis yang telah dijalankan terhadap sistem sedia ada. Cadangan yang bernas terhadap apa yang perlu dilakukan untuk sistem yang bakal dilaksanakan seperti keperluan perkakasan dan jenis perisian yang akan digunakan pada peringkat ini.

#### **FASA 4: Merekabentuk Sistem yang Dikehendaki**

Pada fasa ke empat ini, rekabentuk logikai sistem dicapai dengan menggunakan maklumat yang diperolehi dan dikumpulkan sebelumnya. Ia mengandungi rekabentuk prosedur kemassukan data yang lengkap dan tepat supaya data yang dimasukkan ke dalam sistem adalah betul.

Untuk proses masukan yang lebih efektif, teknik penggunaan borang dan rekabentuk skrin yang baik digunakan. Sebahagian daripada rekabentuk logikal sistem adalah membuat antaramuka pengguna. Contoh antaramuka pengguna termasuklah papan kekunci yang digunakan untuk menaip masuk pesanan, menu atau skrin yang menyatakan arahan-arahan pengguna dan **Antara Muka Pengguna Grafik(GUI's)** yang menggunakan tetikus atau sentuhan skrin.

Fasa rekabentuk ini juga merangkumi rekabentuk fail dan pangkalan data yang menyimpan maklumat-maklumat untuk sistem yang bakal dibangunkan. Peringkat ini adalah penting kerana perhatian pengguna terhadap sistem yang bakal dibangunkan adalah bergantung kepada rekabentuk sistem yang dibuat sama ada ianya menarik perhatian ataupun tidak.



### **FASA 5: Membangun dan Mendokumentasikan Perisian**

Dalam fasa kelima ini, sistem yang diperlukan akan dibangunkan. Untuk membuat dan menghasilkan dokumentasi yang sesuai untuk sistem, kerjasama dengan pengguna dijalankan. Dokumentasi adalah satu kaedah yang digunakan untuk memberitahu pengguna bagaimana untuk menggunakan sistem yang dibangunkan dan apa yang patut dilakukan jika masalah timbul. Semasa fasa ini juga rekabentuk prosedur baik pulih dan kawalan untuk melindungi sistem dan data dijalankan.

### **FASA 6: Menguji dan Menyelenggara Sistem**

Sebelum sistem yang dibangunkan diserahkan kepada pengguna, ia akan diuji terlebih dahulu. Siri-siri ujian dijalankan dengan menggunakan sampel data dan diikuti dengan penggunaan data sebenar dari sistem semasa. Penyelenggaraan dan dokumentasi sistem dilaksanakan dan akan dilakukan secara berterusan sepanjang hayat sesuatu sistem yang dibangunkan.

## FASA 7: Pelaksanaan dan Penilaian Sistem

Dalam fasa terakhir ini, sistem akan dikompil untuk dijadikan pakej masa larian (*runtime package*). Pada peringkat ini, pembangun perlu merancang untuk melaksanakan sistem yang dibangunkan seperti membina pangkalan data dan memasang perkakasan baru.

Penilaian sistem adalah berdasarkan sama ada pengguna menggunakan sistem yang dibangunkan ataupun tidak. Penilaian ini akan dijalankan pada setiap fasa untuk memastikan sistem yang dibangunkan menepati keperluan pengguna.

- Beberapa aktiviti boleh berlaku serentak dengan aktiviti yang lain dan aktiviti dalam satu fasa boleh berlaku serentak dengan aktiviti dalam fasa yang lain. Dengan cara ini tidak banyak masa yang akan terbuang dan jika berlaku sesuatu kesilapan pada satu-satu fasa, proses pembangunan tidak akan terus berhenti.
- Selain daripada itu, aktiviti-aktiviti yang dijalankan boleh berbilang-undang pada sesuatu masa sekiranya perlu. Oleh itu, dipadai dengan penggunaan kecerdasan hayati pembangunan sistem membolehkan sistem bekerja dengan cepat bagi parties.

### 3.4 Pemilihan Kitar Hayat Pembangunan Sistem


